



President: His Royal Highness Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah

No.Rujukan Kami : L0079/RTES/21TRG

Tarikh : 18 October 2021

## **KEPADA SEMUA KELAB SUKAN KUDA LASAK (ENDURANCE)**

### **RTES ENDURANCE RIDE NOVEMBER 2021, CEN 80KM & CEN 40KM.**

---

Merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Royal Terengganu Endurance Stable (RTES) akan menganjurkan kejohanan **“RTES Endurance Ride November 2021”** pada **12.11.2021 hingga 14.11.2021**, bertempat di Terengganu International Endurance Park (TIEP), Lembah Bidong, Setiu, Terengganu.

3. Bagi peserta yang berminat untuk menyertai kejohanan ini, sila kembalikan borang penyertaan dan segala dokumen yang dilampirkan bersama surat ini ke email: [rtes.endurance@gmail.com](mailto:rtes.endurance@gmail.com) atau melalui aplikasi WhatsApp di talian +6012-986 3101 (Puan Siti/Puan Zaleha) selewat-lewatnya pada **3.11.2021** bagi penyediaan keperluan stable dan bilik groom yang terhad. Sebarang pertanyaan mengenai kejohanan ini boleh diajukan dengan menghubungi pihak RTES di talian yang telah diberikan di atas.

4. Peserta dan semua yang terlibat dengan kelab/pasukan pada kejohanan ini juga perlu mengemukakan butiran dibawah kepada kami melalui email atau aplikasi WhatsApp di talian yang telah diberikan diatas. Butiran yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut;

- i) Tangkapan skrin (*Screenshot*) di bahagian *Check-In* aplikasi MySejahtera yang menunjukkan status risiko COVID-19 dan Vaksinasi.
- ii) Keputusan *Swab Test* samaada menggunakan ujian RTK atau RT-PCR yang menunjukkan negatif COVID-19 sekurang-kurangnya 24jam sebelum sampai ke venue (TIEP). Pihak kami juga menyediakan ujian RTK di TIEP dengan bayaran RM20.00 untuk setiap ujian. Kepada yang berminat untuk melakukan ujian RTK di TIEP, anda boleh terus hubungi pihak kami di talian yang telah diberikan di atas.

5. Bagi perjalanan kuda ke TIEP, Lembah Bidong, pemilik perlu memohon permit perjalanan kuda dan menghubungi pejabat Veterinar yang berdekatan bagi mendapatkan maklumat lanjut.

## **ROYAL TERENGGANU ENDURANCE STABLE**

Terengganu International Endurance Park, Lembah Bidong, 21010 Setiu, Terengganu  
Tel: 09-6691 225 Fax: 09-6691 225 Email: [rtes.endurance@gmail.com](mailto:rtes.endurance@gmail.com)


6. Makluman kepada semua yang ingin terlibat dengan kejohanan ini, jumlah peserta dan pegawai untuk kejohanan ini hanya terhad kepada 250 orang sahaja mengikut SOP Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) (Pelan Pemulihan Negara Fasa 3). Pihak penganjur berhak menolak penyertaan bagi peserta yang lambat menghantar dokumen yang lengkap.

7. Di lampirkan bersama ini juga SOP daripada Equestrian Association of Malaysia (EAM) untuk rujukan dan tindakan peserta sepanjang berada di kejohanan.

Segala kerjasama serta sokongan yang diberikan amatlah kami hargai dan di dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

Yang benar,



**DATO' CHE MAT DIN BIN ISMAIL**

*Pengurus Besar RTES*

**ROYAL TERENGGANU ENDURANCE STABLE**

Terengganu International Endurance Park, Lembah Bidong, 21010 Setiu, Terengganu  
Tel: 09-6691 225 Fax: 09-6691 225 Email: rtes.endurance@gmail.com